

**PENILAIAN KESESUAIAN MATA PELAJARAN BAHASA CINA  
SEKOLAH KEBANGSAAN (BCSK) BAGI PELAJAR BUKAN NATIF**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIA OLEH :**

**HENG BUAI CHIN  
NEO KIAN SEN**

**AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM**

**DIS 2010**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof. Madya Datin Dr.Hajibah Hj Osman  
(Dekan Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA)

En Lim Yock Chong  
(Ketua Unit Bahasa Cina  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pelajaran Malaysia)

Pn Lim Peck Poh  
(Penolong Pengarah Bahasa Cina Jabatan Pelajaran Selangor)

dan

Semua guru BCSK serta pelajar yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

## ISI KANDUNGAN

Bab		Muka Surat
1	Pengenalan	
1.1	Latar Belakang Kajian	1-2
1.2	Permasalahan Kajian	3-4
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Soalan Kajian	5
1.5	Signifikan Kajian	5-6
1.6	Limitasi Kajian	6
1.7	Definisi Operasional	6-7
2	Kajian Literatur	
2.1	Pengenalan	8
2.2	Perancangan Kurikulum	8-9
2.2.1	Objektif Pengajaran	9-10
2.2.2	Mendiagnosis keperluan	10-12
2.3	Dorongan Pembelajaran Bahasa Tambahan	12-13
2.3.1	Pemerolehan Bahasa Pertama dan Pembelajaran Bahasa Kedua	13-14

## ABSTRAK

Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) direka dan dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan (SK) dengan tujuan menarik minat ibu bapa keturunan Cina untuk menghantar anak mereka belajar di SK. Usaha ini secocok dengan polisi kerajaan untuk memperkasa status SK supaya menjadi pilihan utama ibu bapa semua kaum untuk menghantar anak mereka belajar di bawah bumbung yang sama, iaitu, sekolah kebangsaan. Objektif murni polisi ini ialah supaya kanak-kanak berbilang kaum dapat bergaul bersama sejak kecil lagi. Keadaan sebegini dipercayai akan menyumbang kepada perpaduan kaum. Dengan menawarkan kursus Bahasa Cina di SK, maka pelajar Cina di SK dapat mempelajari mata pelajaran bahasa Cina. Strategi kerajaan ini mungkin dapat menarik minat ibu bapa keturunan Cina untuk menghantar anak mereka belajar di SK. Namun subjek BCSK turut ditawarkan untuk dipelajari oleh pelajar bukan penutur jati termasuk pelajar kaum Melayu, India, Iban, Kadazan dan sebagainya. Pengkaji bimbang sukatan dan bahan kandungan BCSK yang pada asalnya ditujukan kepada penutur jati, iaitu pelajar Cina, mungkin tidak sesuai dijadikan subjek bahasa Cina sebagai bahasa kedua, maka kajian ini dijalankan untuk menyemak kesesuaian sukatan dan kandungan mata pelajaran memandangkan bahasa itu juga ditujukan kepada pelajar penutur bukan natif.

Sebanyak lima buah sekolah yang menawarkan kursus BCSK di negeri Selangor dipilih

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Kajian ini merupakan satu usaha penilaian tentang aspek-aspek sesuatu perancangan dan amalan kurikulum bahasa kedua, maka dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tiga perkara utama berdasarkan kajian literatur, iaitu, a) perancangan kurikulum; b) dorongan pembelajaran bahasa tambahan/kedua; dan c) pengajaran dan pembelajaran bahasa tambahan, khususnya bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

#### 2.2 Perancangan Kurikulum

Kurikulum ialah satu perancangan dan pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran. Kerr menakrifkan kurikulum sebagai *'all the learning which is planned and guided by the school, whether it is carried on in groups or individually, inside or outside the school'* (Kelly 1983, p. 10). Berkenaan pembelajaran *'planned and guided'* yang disebut di atas, apakah perkara yang harus diteliti oleh perancang kurikulum semasa membuat perancangan pengajaran untuk membimbing pembelajaran murid di sekolah? Tyler (1949), seorang pengasas teori pengembangan kurikulum Amerika Syarikat yang berpengaruh, telah mengemukakan empat rasional untuk dijawab oleh perancang kurikulum semasa mereka hendak membangunkan sesuatu sukatan dan bahan pengajaran:

1. *What educational purposes should the school seek to attain?*